

15/07/2001

Selepas 20 tahun...

Zainuddin Ayip

ESOK, genap 20 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyandang jawatan Perdana Menteri, paling lama berbanding perdana menteri sebelum ini - Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

Sepanjang dua dekad, kejayaan demi kejayaan dicatat, sejajar dengan matlamat membawa Malaysia ke arah negara maju, selain memastikan rakyat terlepas daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya mampu bersaing pada peringkat global.

Sebut saja projek mega seperti kereta nasional, Menara Berkembar Petronas, Menara KL, pengangkutan awam LRT, KLIA, litar Formula 1, pusat pentadbiran Putrajaya dan banyak lagi - projek itu tentu saja dikaitkan dengan ilham dan usaha Dr Mahathir.

Namun, banyak projek yang bertujuan untuk mengangkat martabat Malaysia dan mencelikkan mata dunia tidak disenangi pihak tertentu. Ada yang mengatakan sebagai membazir, tidak wajar dan tidak menguntungkan rakyat biasa.

Beliau tidak peduli. Segala tohmahan dan kritikan dianggap sebagai asam garam kehidupan pemimpin nombor satu. Dr Mahathir menghadapinya dengan tenang. Yang penting matlamat dan wawasannya harus dilaksanakan.

Hasratnya dijelaskan dalam Wawasan 2020 yang beliau utarakan pada 28 Februari 1991 dengan matlamat: 'Ke arah pembentukan sebuah negara yang benar-benar maju dalam segala bidang secara seimbang meliputi ekonomi, politik sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan'.

Sebelum menuju ke jalan puncak untuk menduduki kerusi Perdana Menteri, beliau melalui jalan berliku dan berduri. Pernah disingkirkan daripada Umno dan tewas dalam pilihan raya. Namun, semangat kental beliau terus membara walaupun mengakui perjuangannya hingga kini belum selesai.

Beliau yang lahir pada 20 Disember 1925 di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star, Kedah memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Laki-laki Seberang Perak, Kedah. Kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Inggeris Alor Star (kini Maktab Sultan Abdul Hamid) tempat bapanya, Mohamad Iskandar menjadi guru besar pertama.

Ibunya, Wan Tempawan Wan Hanafi keturunan Wan Mat Saman, Menteri Besar Kedah yang membina Terusan Wan Mat Saman.

Ketika Jepun memerintah Malaya, persekolahannya tergendala dan beliau berkecimpung dalam perniagaan gerai kopi serta menjual buah-buahan dan barangan kraftangan di Pekan Rabu, Alor Star, Kedah.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua, beliau menyambung pelajarannya di sekolah yang sama sehingga Senior Cambridge. Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke King Edward VII College of Medicine, Universiti Malaya, Singapura.

Sejak mudanya, Dr Mahathir memang rajin menulis. Dengan nama pena 'Che Det' beliau banyak menulis mengenai kisah yang melanda masyarakat Melayu dalam akhbar tempatan. Bakat kepemimpinannya terserlah ketika menuntut lagi, apabila dilantik sebagai Presiden Pertubuhan Islam Kolej Kedoktoran. Beliau sering mengikuti perdebatan dan forum, selain tidak segan silu menyatakan pendapatnya yang sebenar. Pada 1952 beliau lulus dengan ijazah perubatan MBBS dan bergelar doktor.

Pembabitan politiknya bermula pada 1945 apabila menganggotai Saberkas. Pada 1946 beliau menyertai pula Kesatuan Melayu Kedah. Apabila Kongres Melayu Semalaya diadakan tahun itu, beliau turut sama dalam peristiwa bersejarah itu dan turut membuat resolusi menubuhkan Umno dan membuka

keahliannya.

Pada penghujung 1957 beliau bersama isterinya, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali, rakan sekelasnya ketika belajar di Singapura, menubuhkan Maha Klinik di Alor Star, Kedah.

Apa pun, pembabitannya secara aktif dalam politik bermula pada 1964 apabila dipilih sebagai Ahli Parlimen, selepas memenangi kerusi kawasan Kota Star Selatan atas tiket Perikatan. Namun pada pilihan raya umum berikutnya pada 1969 beliau tewas di kawasan yang sama kepada calon Pas, Yusof Rawa. Selepas tragedi 13 Mei 1969, Dr Mahathir disingkir daripada Umno kerana lantang mengkritik Tunku.

Kerjaya politiknya bagaimanapun menyinar kembali apabila beliau diterima kembali ke pangkuan Umno pada 1972 selepas Tun Abdul Razak menjadi Presiden Umno. Pada tahun yang sama, beliau memenangi kerusi ahli Majlis Tertinggi Umno dengan undi tertinggi. Beliau dilantik sebagai senator pada 1973 dan kemudian sebagai Menteri Pelajaran pada 1974 di dalam kabinet Tun Razak.

Pada 1975, beliau memenangi kerusi Naib Presiden Umno. Tun Hussein Onn melantik Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Pada 16 Julai 1981, Dr Mahathir mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri Malaysia keempat ekoran peletakan jawatan Tun Hussein atas sebab kesihatan.

Langkah awalnya selepas menjadi Perdana Menteri ialah memperkemas jentera kerajaan dengan menggerakkan kempen 'Bersih - Cekap - Amanah' dan 'Kepemimpinan Melalui Teladan' ke arah menerap nilai bertanggungjawab dan etika murni di kalangan kakitangan awam.

Beliau juga menampilkan 'Dasar Kependudukan 70 juta' ke arah menjadikan Malaysia mempunyai pasaran dalam negara yang mampu menyokong pengeluarannya. Kempen peningkatan 'Daya Pengeluaran Negara' juga dianjurkan begitu juga dasar 'Penerapan Nilai-Nilai Islam' sebagai satu wadah menerapkan budaya kerja yang selari dengan Islam.

Dr Mahathir adalah seorang yang sangat menjaga waktu. Sehubungan itu beliau menukar waktu negara dengan mempercepatkan setengah jam di Semenanjung agar selaras dengan Sabah dan Sarawak sebagai satu usaha integrasi nasional. Dalam proses itu, Singapura turut serta.

Beliau tidak gentar dengan kontroversi dan pernah menggemparkan hubungan baik Malaysia-Britain dengan mengamalkan dasar 'Buy British Last' sebagai satu tindak balas di atas sikap London yang mendiskriminasikan kepentingan Malaysia.

Beliau kemudian memperkenalkan 'Dasar Pandang Ke Timur' dengan menjadikan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea Selatan sebagai asas untuk diteladani rakyat demi meningkatkan produktiviti serta menyemai etika kerja profesional.

Program penswastaan mula diketengahkan pada 1983 sebagai satu usaha mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam menjana pelbagai projek pembangunan. Penswastaan terhadap entiti kerajaan juga digerakkan agar organisasi yang diswastakan lebih efisien.

Penswastaan membabitkan pemindahan kuasa kawalan, kepentingan ekuiti dan pelaburan kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta. Penswastaan terhadap industri perkhidmatan juga diperkenalkan demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam.

Menerusi proses industrialisasi, beliau melancarkan 'Dasar Perindustrian Negara'. Melalui dasar ini, beberapa kilang berkapasiti tinggi diwujudkan. Hasilnya, lahirlah kereta nasional Proton Saga, van dan motosikal Kriss dan seterusnya projek litar Formula 1 yang menjadikan Malaysia salah satu medan grand prix dunia.

Belum sempat rakyat mengejar teknologi negara di jalan raya, beliau

membawa negara ke angkasa lepas. Beliau mengasaskan Pusat Kajian Sains Angkasa Lepas dan impiannya terserlah dengan terbinanya Planetarium Negara yang dilancarkan pada 1994.

Beliau juga mengilhamkan agar Malaysia mempunyai satelitnya sendiri. Ini menjadi kenyataan apabila tirai tahun 1995 ditutup dengan pelancaran Measat 1 dan disusuli dengan Measat 2 pada Oktober 1996.

Selepas membina rangkaian lebuhraya, Malaysia di bawah pentadbirannya juga melangkah ke era pengangkutan berteknologi tinggi apabila transit aliran ringan (LRT) diperkenalkan di Kuala Lumpur.

Pada September 1996, kerajaan mengumumkan pembinaan bandar raya pentadbiran persekutuan Putrajaya bernilai RM2.6 bilion. Putrajaya sebuah bandar pentadbiran terancang mempunyai falsafah murni ke arah mempertingkatkan produktiviti pentadbiran awam negara dan seterusnya mewujudkan kerajaan elektronik.

Pada 1996, Dr Mahathir melihat satu lagi impiannya menjadi kenyataan apabila struktur tertinggi di Malaysia menjadi kenyataan. Menara Kuala Lumpur yang menempatkan pusat transmisi TV dan telefon selular merupakan menara konkrit yang tertinggi di dunia dan semestinya mercu tanda ibu kota yang paling bergaya dengan ketinggian 451.9 meter. Menara ini juga menara telekomunikasi ketiga tertinggi di dunia.

Rekod Malaysia tidak berhenti di situ saja. Dr Mahathir juga mengilhamkan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), yakni projek hartanah yang terbesar di dunia dengan nilai RM2 bilion. Menara Kembar Petronas adalah bangunan tertinggi di dunia dengan 88 tingkat di atas lokasi seluas 40 hektar.

Meskipun beberapa sudut dunia bakal menampilkan bangunan lebih tinggi, namun rekod ini akan kekal sebagai 'menara berkembar' tertinggi di dunia buat beberapa lama lagi.

Menyedari industri penerbangan awam bukan hanya memerlukan pesawat terbang canggih tetapi juga lapangan terbang yang serba boleh, Dr Mahathir menukar kawasan ladang di Sepang kepada tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lapangan terbang ini tampil sebagai yang terancang di rantau ini dengan nilai RM9 bilion.

Semua orang tahu Dr Mahathir mempunyai komputer di pejabatnya, tetapi tiada siapa yang sangka bahawa beliau akan meletakkan paksi dunia komputer di Malaysia.

Pada 1997, Dr Mahathir memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan menjadikan Malaysia pusat eksperimen pembangunan prasarana multimedia yang terunggul di dunia. MSC akan menggabungkan semua ruang lingkup industri teknologi maklumat dalam sebuah persekitaran yang khusus buatnya. Sehubungan itu sebuah bandar ultra-teknologi Cyberjaya dibina dan bakal menjadi satu-satunya bandar siber dunia.

Gagasan MSC akan menempatkan kerajaan elektronik dan universiti multimedia serta menjadi pemangkin kepada pelaksanaan sekolah bestari, teleperubatan, kad pintar, pusat pemasaran tanpa sempadan serta pusat pengeluaran web sedunia.

Rakyat hari ini dan generasi akan datang tidak akan lupa pada Dr Mahathir kerana Wawasan 2020-nya. Wawasan 2020 yang mengandungi apa yang dikatakan Sembilan Cabaran Utama itu adalah impian dan cita-citanya untuk melihat rakyat Malaysia mengamalkan nilai-nilai murni dan pragmatik ke arah pembentukan sebuah masyarakat maju dengan hasil jalinan keindahan spiritual dan kemewahan material.

Wawasan 2020 adalah satu realiti yang mana prosesnya sedang rancak berirama mengelilingi kita dengan projek pembangunan. Sebagai Perdana Menteri, perjuangannya tentu belum selesai kerana perjalanannya tidak pernah berpenghujung. Beliau secara realistik menjelaskan: "Saya tidak akan hidup sehingga tahun 2020, tetapi saya pasti Wawasan 2020 akan dapat

dicapai."

(END)